

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 1 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 9**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1433-MQT1101  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berniat membenarkan laporan tahunan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini, seperti yang dilakukan tahun lalu.
  
2. PR-1433-MQT1108  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian dalam menangani krisis jiwa dan mental yang kian meningkat dalam kalangan masyarakat yang tertekan kerana kehilangan pendapatan, berjauhan daripada keluarga dan kegelisahan kesan wabak COVID-19.
  
3. PR-1433-MQT1109  
**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap kesiapsiagaan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dalam menghadapi bencana banjir pada musim tengkujuh kali ini serta pematuhan SOP COVID-19 agar wabak tersebut tidak menular di Pusat Pemindahan Sementara.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 1 DISEMBER 2020, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 45**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1433-L11099  
**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah peranan Kementerian dalam membantu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi memastikan inisiatif Pertanian Pintar di agensi tersebut dapat dilaksanakan.
  
2. PR-1433-L10319  
**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab mengapa sebanyak 55 bangunan Kerajaan yang masih tidak lagi mempunyai Sijil Perakuan Bomba (FC) di negeri Johor mengikut statistik yang dikeluarkan baru-baru ini.
  
3. PR-1433-L11318  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan kualiti pembelajaran murid-murid sekolah dapat dikekalkan dan tidak terjejas berikutan penutupan sekolah. Apakah alternatif lain selain dari pembelajaran secara '*on-line*' memandangkan terdapatnya kekangan kepada keluarga yang tidak berkemampuan untuk mengikuti pembelajaran secara '*on-line*' ataupun keluarga yang tinggal di kawasan yang tidak mempunyai rangkaian internet yang stabil.

4. PR-1433-L10417  
**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan telah menggunakan simpanan negara untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi susulan pandemik COVID-19:-
  - (a) jumlah rizab negara setakat bulan September 2020 ; dan
  - (b) jumlah rizab antarabangsa Bank Negara setakat bulan September 2020.
  
5. PR-1433-L10533  
**Tuan Yamani Hafez bin Musa [ Sipitang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan bagi menyediakan kemudahan bekalan air dan elektrik luar bandar di Sabah tahun ini, dan apakah kesemuanya sudah dibelanjakan serta berapa ramai rakyat mendapat manfaatnya.
  
6. PR-1433-L11426  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tahap liputan Internet di kalangan komuniti Orang Asli dan apakah rancangan untuk menambah baik perkhidmatan tersebut.
  
7. PR-1433-L10125  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah jawatan baru bagi Senator Orang Asli serta Ketua Pengarah JAKOA sudah dibuat pemilihan oleh pihak Kerajaan memandangkan kedua-dua jawatan tersebut akan tamat pada penghujung tahun ini.
  
8. PR-1433-L11200  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah yuran pengajian di IPT awam akan dikurangkan kepada para pelajar. Ini merujuk kepada situasi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara '*Open Distance Learning*' (ODL) dan kemudahan universiti tidak lagi boleh digunakan oleh para pelajar buat masa ini.
  
9. PR-1433-L11340  
**Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan rakyat yang telah menerima manfaat daripada Bantuan Prihatin Nasional 2.0 yang Kerajaan telah luluskan dan berapakah jumlah peruntukan yang terlibat.

10. PR-1433-L10656  
**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sukan berbasikal kini semakin diminati ramai, jalan raya kini dibanjiri dengan penunggang-penunggang basikal, adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan kemudahan laluan bagi penunggang basikal.
11. PR-1433-L10563  
**Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [ Parit ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah premis Tabika KEMAS yang memerlukan pembaikan segera di seluruh negara; dan
  - (b) apakah inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak KEMAS dalam memastikan semua premis KEMAS sentiasa diselenggara dan dapat beroperasi dengan selamat dan kondusif.
12. PR-1433-L11401  
**Datuk Mohd. Azis bin Jamman [ Sepanggar ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah baru yang dibina dan sekolah daif di Sabah yang ditambah baik di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang telah siap dan dibaiki sepenuhnya berbanding jumlah asal yang dirancang.
13. PR-1433-L10625  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah keseluruhan permohonan yang diterima untuk melanjutkan tempoh moratorium pinjaman, dan daripada jumlah tersebut, berapakah permohonan yang diluluskan.
14. PR-1433-L10088  
**Dato' Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian tentang pencarian/penyelidikan vaksin untuk menentang COVID-19 dan kolaborasi Kementerian dengan WHO memandangkan peningkatan mendadak kes pandemik ini.
15. PR-1433-L10911  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah tindakan bagi menangani masalah ketidakhadiran pelajar-pelajar ke sekolah disebabkan pandemik COVID-19.

16. PR-1433-L10280  
**Puan June Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan impak COVID-19 terhadap usahawan desa dan bagaimana Kementerian membantu usahawan desa meneruskan perniagaan mereka melalui platform dalam talian.
17. PR-1433-L10367  
**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha untuk meningkatkan liputan telefon dan internet di kawasan luar bandar di seluruh negara khususnya di Sarawak.
18. PR-1433-L10795  
**Dr. Maszlee bin Malik [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan sekarang serta ketetapan sama ada urusan tender penerbitan buku teks CEFBR akan diberikan kepada ITBM secara runding terus memandangkan ia sebuah agensi Kerajaan yang terkait dengan penterjemahan dan penerbitan .
19. PR-1433-L10541  
**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan usaha yang dibuat di dalam dan luar negara bagi menghasilkan vaksin COVID-19 serta bukti kejayaannya dan perancangan Kerajaan untuk memberi vaksin itu secara percuma kepada rakyat.
20. PR-1433-L10136  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa pungutan hasil sepanjang tahun ini setakat ini dan berapa pula perbelanjaan mengurus Kerajaan pada masa yang sama.
21. PR-1433-L10147  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan satu lagi imbuhan atau bonus kepada semua '*frontliners*' atau petugas barisan hadapan yang telah bertungkus lumus sejak penularan wabak COVID-19.

22. PR-1433-L10126  
**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengembalikan semula bantuan-bantuan penuh dalam sektor pendidikan kepada masyarakat Orang Asli seperti yang telah diberikan semasa zaman pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional iaitu biasiswa, bantuan pakaian seragam sekolah dan lain lagi bermula daripada peringkat pra-sekolah sehingga ke peringkat IPTA.
23. PR-1433-L10834  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) kedudukan dan rasional pihak Kerajaan berkenaan isu menyokong Malaysia Airlines secara kewangan ; dan
  - (b) adakah kedudukan pihak Kerajaan berbeza dengan Khazanah Nasional.
24. PR-1433-L10658  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) pelan Kerajaan untuk memulihkan sektor yang paling terkesan daripada wabak COVID-19, dan sama ada akan dipertimbangkan peningkatan subsidi upah bagi sektor-sektor ini; dan
  - (b) usaha Kerajaan untuk memantau program subsidi upah bagi mencegah penyalahgunaan dan monopoli oleh majikan tidak bertanggungjawab.
25. PR-1433-L10397  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa syarikat dalam senarai kontrak panel berpusat Kementerian Kewangan yang berdaftar dan tidak berdaftar dengan LHDN serta cukai pendapatan yang telah dikutip.
26. PR-1433-L10291  
**Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [ Jempol ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan semasa mengenai lanjutan moratorium dan bantuan bank bersasar serta respons yang diberikan oleh rakyat terhadap inisiatif tersebut.

27. PR-1433-L10605  
**Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status sekolah rendah dan sekolah menengah yang amat diperlukan di kawasan Bandar Saujana Putra. Adakah Kementerian Pendidikan akan segerakan pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di kawasan Bandar Saujana Putra.
28. PR-1433-L10668  
**Dr. Ong Kian Ming [ Bangi ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk menyatakan pecahan Dana Penjana Nasional yang berjumlah RM600 juta mengikut jenis dana (*seed stage, series A/B funds, opportunistic fund*) dan juga jumlah dana yang dilaburkan oleh pihak swasta untuk inisiatif ini. Berapa jumlah dana ini telah dilaburkan.
29. PR-1433-L11416  
**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional Kerajaan meluluskan RM1 bilion pinjaman yang dijamin oleh Kementerian Kewangan kepada syarikat penerbangan AirAsia sedangkan syarikat penerbangan negara MAB (Malaysian Airlines Berhad) juga memerlukan suntikan dana.
30. PR-1433-L10732  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah penjadualan semula peperiksaan SPM, SPMV, STPM dan STAM bakal memberi kesan kepada prestasi pencapaian pelajar dalam peperiksaan tersebut.
31. PR-1433-L11032  
**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [ Hang Tuah Jaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia mempertimbangkan perlepasan cukai bagi individu untuk perbelanjaan kesihatan semasa pandemik COVID-19 seperti pembelian pelitup muka, cecair pembasmi kuman, makanan tambahan serta perkara-perkara lain yang berkaitan dalam usaha bersama untuk membantu mengekang penularan COVID-19.
32. PR-1433-L11152  
**Tuan Khalid bin Abd Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status perkembangan Rang Undang-Undang Sewaan Kediaman yang kini amat diperlukan untuk melindungi hak dan membela penyewa yang kehilangan punca pendapatan daripada tindakan tidak wajar oleh pemilik rumah semasa pandemik COVID-19.

33. PR-1433-L10265  
**Dato' Sri Hasan bin Arifin [ Rompin ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan pada keseluruhannya keadaan sekolah-sekolah di luar bandar termasuk di Rompin, memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan kerana sebahagian daripada sekolah tidak pernah mendapat kerja-kerja penyelenggaraan. Oleh itu, berapa peruntukan Kementerian pada tahun ini untuk disalurkan kepada tujuan tersebut. Adakah Kementerian bercadang untuk menambah dan memohon peruntukan khas untuk menambah bajet kerja-kerja penyelenggaraan.
34. PR-1433-L11110  
**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peminjam individu dan syarikat yang telah mendapat moratorium bersasar sehingga hujung tahun, nilai moratorium tersebut, dan adakah Kerajaan berniat melanjutkannya jika pandemik COVID-19 masih berleluasa tahun hadapan.
35. PR-1433-L11204  
**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa golongan mahasiswa tidak layak menerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 Khas Untuk Mahasiswa sedangkan mahasiswa juga adalah kumpulan besar yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.
36. PR-1433-L10396  
**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelepasan cukai pendapatan yang telah dituntut bagi insurans nyawa dan KWSP oleh kategori penjawat awam berpencen dan kategori selain penjawat awam berpencen serta jumlah pembayar cukai yang terlibat.
37. PR-1433-L10763  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan jumlah laman sosial seperti Facebook, Twitter, website yang diturunkan atau diambil tindakan oleh MCMC akibat menyebarkan berita palsu politik dari tahun 2015 hingga Oktober 2020. Nyatakan mengikut tahun.

38. PR-1433-L10569  
**Tuan Su Keong Siong [ Kampar ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan penilaian Kementerian mengenai kesan perubahan cara pendidikan disampaikan di sekolah terhadap murid-murid dari segi kemampuan belajar, kesihatan mental dan kepuasan terhadap persekolahan mereka memandangkan tempoh persekolahan telah dipendekkan manakala kurikulum masih dikekalkan akibat pandemik wabak COVID-19.
39. PR-1433-L10828  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan data dan maklum balas terkini dari pihak bank dan institusi kewangan mengenai penamatan moratorium pinjaman sejak 1 Oktober 2020, khususnya mengenai perkara-perkara mengenai prestasi pembayaran balik pinjaman.
40. PR-1433-L11390  
**Datuk Ignatius Darell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status naik taraf Jalan Terian, Penampang, Sabah yang berjumlah RM102 Juta seperti senarai projek RP4 RMK-11 untuk P.174 Penampang yang diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 18 Februari 2019.
41. PR-1433-L10745  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai keseluruhan yang terlibat ketika pelaksanaan moratorium dari April hingga September 2020 dan nilai moratorium bersasar yang bermula Oktober 2020, dan apakah keberkesanan moratorium bersasar yang dilaksanakan sekarang dalam membantu rakyat yang terkesan kerana pandemik COVID-19.
42. PR-1433-L10947  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melanjutkan moratorium bank untuk menolong rakyat yang semakin terkesan disebabkan pandemik ini termasuk gelombang ketiga COVID-19 yang berlaku baru-baru ini.
43. PR-1433-L10740  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pembinaan SJK(T) Heawood. Mengikut kontrak sepatutnya ianya siap pada 5 Disember 2019.

44. PR-1433-L10889  
**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah asas-asas pertimbangan unjuran lapan peratus pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar yang diumumkan Kerajaan baru-baru ini.
45. PR-1433-L10736  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada RM20 juta yang diperuntukkan untuk pembinaan bangunan baru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) ketika Pakatan Harapan menjadi Kerajaan masih diperuntukkan untuk tujuan yang sama dan apakah kaedah pengagihan serta senaraikan sekolah yang mendapat peruntukan ini.
46. PR-1433-L11088  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk membantu pemilik-pemilik rumah yang tidak mampu membayar ansuran bulanan kepada pihak bank akibat penamatan moratorium oleh Kerajaan.
47. PR-1433-L11434  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah inisiatif yang akan diambil bagi menangani kumpulan scam di atas talian. Adakah Kementerian berhasrat untuk memperketatkan akta bagi badan-badan yang mempunyai data maklumat peribadi seperti syarikat-syarikat telco dan sebagainya.
48. PR-1433-L10912  
**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan berkaitan pemantauan dan penyelenggaraan terhadap infrastruktur dan kemudahan air serta sistem kumbahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Abang (SMKAKA), Dungun, Terengganu.
49. PR-1433-L10973  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap tindakan UEM Sunrise (66% milik Khazanah Nasional) yang bercadang untuk membeli (*bail-out*) Eco World Development Group Berhad sedangkan syarikat tersebut sedang mengalami masalah kewangan yang tenat dan apakah manfaat yang akan diterima oleh Kerajaan dan rakyat jika urusan ini dibenarkan.

50. PR-1433-L11222  
**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan rasional cadangan UEM Group bagi penggabungan UEM Sunrise dengan EcoWorld, bagaimana nisbah pertukaran saham dan waran dicapai, dan komitmen bahawa wakil Khazanah akan menerajui entiti yang digabungkan ini memandangkan CEO UEM Sunrise sudah meletak jawatan.
51. PR-1433-L10199  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibü ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan membantu syarikat penerbangan seperti MAS dan AirAsia, bagaimana status kewangan terkini untuk Malaysia Airlines. Adakah Kerajaan akan biarkan ia mufliis.
52. PR-1433-L11057  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah cadangan penggabungan UEM Sunrise Bhd dengan Eco World Development Group Bhd menerusi pertukaran saham dan waran telah mendapat persetujuan Jemaah Menteri dan penjelasan secara teliti bagaimana cadangan tersebut akan menguntungkan Khazanah Nasional Bhd.
53. PR-1433-L10821  
**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [ Kota Raja ]** minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan perincian daripada lawatan rasmi Menteri Pertahanan China ke Malaysia pada 7 September 2020 yang tidak menerima liputan mana-mana media. Bagaimanakah lawatan tersebut dapat memperkukuhkan hubungan diplomasi antara dua negara serta dapat membantu negara menghadapi cabaran ekonomi ekoran pandemik COVID-19.
54. PR-1433-L10767  
**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar pengangguran semasa di Malaysia, khasnya di kalangan graduan, dan sama ada Kerajaan akan meneruskan inisiatif Malaysians@Work seperti yang diumumkan oleh Kerajaan dalam Belanjawan 2020, dan jika tidak, mengapakah inisiatif itu tidak diteruskan.
55. PR-1433-L10221  
**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jelaskan adakah makmal tempatan, baik swasta mahupun agensi Kerajaan turut berusaha mencari formula vaksin untuk COVID-19, tanpa bergantung sepenuhnya kepada penemuan vaksin oleh makmal luar negara. Sekiranya tidak, nyatakan kekangan yang dihadapi makmal-makmal tempatan, baik dari segi dana dan kepakaran.

56. PR-1433-L(5)00065  
**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah hasil Kerajaan yang terkini berbanding unjuran di dalam Belanjawan 2020; dan
  - (b) anggaran hasil Kerajaan yang bakal diperoleh Kerajaan sehingga Disember 2020.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

57. PR-1433-L10621  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pecahan penyakit kritikal seperti kanser, berapakah pembayaran yang telah dilakukan bagi pemohon di bawah skim MySalam setakat ini, dan bagaimana Kerajaan akan memastikan jumlah keseluruhan RM2 bilion akan dibayar sepenuhnya oleh Great Eastern.
58. PR-1433-L11077  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan langkah-langkah yang telah dirancang untuk memastikan bahawa negara akan mempunyai bekalan vaksin COVID-19 apabila dikeluarkan kelak.
59. PR-1433-L10977  
**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah progres penyelidikan dan penyediaan vaksin COVID-19 yang sedang berlaku dimana-mana negara dan apakah hubungan kerjasama yang ada dengan negara kita dan bilakah ia tersedia untuk rakyat Malaysia.
60. PR-1433-L10096  
**Tuan Ahmad bin Hassan [ Papar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mekanisme drastik yang sedang diimplementasikan oleh Kementerian dalam mewujudkan sistem pengendalian pembekalan air bersih di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan sumber air bersih, khususnya selepas berlakunya banjir dan pencemaran sungai.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (D.R.16/2020) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 seperti berikut :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 30 November, 2020 )**

- |    |                 |  |                                   |
|----|-----------------|--|-----------------------------------|
| 2. | ( D.R 17/2020 ) | Rang Undang-undang Kewangan 2020<br><br>[ Menteri Kewangan ]   | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
| 3. | ( D.R 18/2020 ) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020<br><br>[ Menteri Kewangan ]  | "                                 |
| 4. | ( D.R 11/2020 ) | Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 – <b>Menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 5 November, 2020 )</b><br><br>[ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ] |                                   |
| 5. | ( D.R 13/2020 ) | Rang Undang-undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020<br><br>[ Menteri Sumber Manusia ]  | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
| 6. | ( D.R 14/2020 ) | Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020<br><br>[ Menteri Sumber Manusia ]  | "                                 |

7. ( D.R 15/2020 ) Rang Undang-undang Lembaga Angkasa **Bacaan Kali  
Malaysia 2020 Yang Kedua**

**[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]**

8. ( D.R 12/2020 ) Rang Undang-undang Suruhanjaya Bebas "   
Tatakelakuan Polis 2020

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

9. PR-1433-U(27)141

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membentangkan langkah dan usaha yang diambil bagi menyelesaikan isu larangan ke atas produk syarikat pengeluar minyak sawit Malaysia FGV Holdings dan kempen anti minyak sawit di Eropah. Terdapat lebih 650,000 pekebun kecil bergantung kepada tanaman sawit dan jumlah ini mencecah 2.3 juta rakyat Malaysia sekiranya bilangan kanak-kanak daripada keluarga yang terbabit juga diambil kira. Larangan ini akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil dan peneroka yang bekerja keras demi menyara hidup mereka."

**[ Perdana Menteri ]**

10. PR-1433-U(27)144

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan yang lebih tegas terhadap isu mempersendakan institusi agama di media sosial. Perkara ini bukan sahaja telah menyebabkan kepada salah faham terhadap institusi tersebut, malah tulisan-tulisan berbentuk parodi yang diketengahkan telah mendorong kepada tanggapan negatif masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri."

**[ Perdana Menteri ]**

11. PR-1433-U(27)145

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji keperluan mewujudkan semula Akta Anti Berita Tidak Benar bagi menangani penularan berita palsu dan fitnah yang semakin berleluasa. Penyebaran berita palsu mengancam keselamatan, kestabilan negara dan boleh menimbulkan suasana tidak tenteram dalam kalangan masyarakat majmuk. Kempen kesedaran perangai berita palsu wajar dipergiatkan agar rakyat lebih peka dan menyemak kesahihan sebelum menyebarkan sesuatu berita."

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1433-U(27)146

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan pendekatan yang holistik terhadap isu pencemaran di sumber-sumber Loji Rawatan Air (LRA) sehingga menjejaskan aktiviti kehidupan seharian jutaan pengguna. Perkara ini memerlukan kepada penambahbaikan daripada aspek cegah rintang (*deterrence*) dalam peruntukan undang-undang sedia ada serta termasuklah aspek penguatkuasaan tempatan yang melibatkan semua pihak berkaitan."

**[ Menteri Alam Sekitar Dan Air ]**

13. PR-1433-U(27)147

**Tuan Che Alias bin Hamid [ Kemaman ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menambah anggota PERHILITAN serta aset-aset strategik dalam Parlimen Kemaman disebabkan masalah kekurangan anggota yang dihadapi ketika ini. Tambahan lagi, peningkatan hidupan liar seperti gajah di dalam Parlimen Kemaman sehingga memusnahkan tanaman penduduk setempat memerlukan perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

**[ Menteri Tenaga Dan Sumber Asli ]**

14. PR-1433-U(27)148

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memperhalusi Pelan Strategik Kebangsaan Mengenai Kesihatan Mental di negara ini khususnya dalam tempoh kritikal berhadapan penularan wabak Covid-19. Hal ini memerlukan kepada klasifikasi bentuk pendekatan yang berbeza terhadap kumpulan sasar tertentu seperti golongan barisan hadapan, pelajar sekolah dan sebagainya. Perkara ini wajar dijadikan agenda utama Kerajaan khususnya oleh pihak Kementerian itu sendiri."

**[ Menteri Kesihatan ]**

15. PR-1433-U(27)149

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan melakukan siasatan yang terperinci mengenai dakwaan wujudnya modus operandi baharu dalam trend pengedaran dadah di negara ini khususnya dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perancangan strategik dalam menangani isu pengedaran dan penyalahgunaan dadah di negara ini perlu sentiasa mendapat perhatian yang serius oleh pihak Kerajaan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

16. PR-1433-U(27)150

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil perhatian yang khusus mengenai pelan penyusunan semula operasi kecemasan Malaysia Airlines Berhad (MAB) ketika ini khususnya bagi menjamin kebajikan puluhan ribu pekerja yang bernaung di bawahnya mendapat pembelaan yang sewajarnya."

**[ Menteri Kewangan ]**

17. PR-1433-U(27)152

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan usaha terkini Kerajaan khususnya pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, (COVAX) supaya Malaysia mendapat bekalan vaksin yang mencukupi serta pada kadar segera dengan harga berpatutan apabila vaksin berkenaan terbukti selamat dan berkesan. Perkara ini amat penting untuk dibincangkan kerana impak daripada wabak ini begitu besar dan berpanjangan."

**[ Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi ]**

18. PR-1433-U(27)164

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan tindakan yang lebih tegas dan menyeluruh membanteras sindiket judi dalam talian dan penipuan seperti Macau Scam. Sindiket scammer yang semakin berleluasa ini telah menyebabkan ramai mangsa yang terpedaya dan mengalami kerugian berjumlah puluhan ribu sehingga jutaan ringgit."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

19. PR-1433-U(27)166

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan membentangkan siasatan penuh terhadap insiden kemasukan bot-bot Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang seringkali berlaku khususnya melalui lorong-lorong tikus sama ada ia benar-benar melibatkan suatu sindiket jenayah antarabangsa mengenai penyeludupan manusia. Insiden ini juga memerlukan penyiasatan terhadap penglibatan tekong-tekong tempatan dan pegawai agensi penguatkuasa yang turut bersubahat dengan sindiket. Para pesalah ini wajar dikenakan hukuman yang setimpal atas jenayah yang dilakukan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

20. PR-1433-U(27)135

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :-

"MENYEDARI hakikat bahawa isu pemberian kewarganegaraan kepada Pendatang Tanpa Izin (PTI) adalah keprihatinan dan isu utama bagi Orang Asal Sabah ketika ini. Dan,

MENERIMA hakikat bahawa, seorang bernama Encik Hassnar Ebrahim telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 2 bulan dan menjalani Tahanan Kediaman Terhad selama 2 tahun kerana terlibat secara langsung di dalam proses mengeluarkan kad pengenalan projek kepada para pendatang asing Indonesia dan Filipina sejak tahun 1976.

MENERIMA hakikat bahawa Encik Hassnar Ebrahim telah membuat pengakuan terbuka di mahkamah, surat bertulis kepada MD Mutalib dan juga dalam pelbagai ceramah BAHAWASANYA pada ketika beliau ditangkap terdapat sekitar 300,000 PTI yang mendapat kad pengenalan biru.

MENERIMA juga hakikat tentang keterangan Encik Jabar Khan, bahawa beliau ditahan di bawah ISA selama 3 tahun (1996-1999) dan 2 tahun Tahanan Kediaman Terhad (2000-2002) di Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti pada 26 Februari 2007, kerana penglibatannya secara langsung dalam proses mengeluarkan kad pengenalan biru kepada para Pendatang Tanpa Izin (PTI) sebagai Setiausaha Task Force Jawatankuasa Pengundi Luar UMNO Sabah pada 1991.

Seterusnya MENERIMA keterangan dan pengakuan Encik Jabar Khan bahawa, setelah UMNO masuk ke Sabah pada tahun 1991, maka UMNO Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengundi Luar ataupun Task Force yang diketuai oleh Bendahari UMNO Sabah ketika itu, Datuk Musa Aman, kini Tan Sri Musa Aman.

Menerima juga keterangan Encik Jabar bahawa 400,000 keping kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan daripada jumlah tersebut sebanyak 82,000 PTI telah dimasukkan dalam senarai pengundi di 30 kawasan DUN di Sabah.

MENYEDARI juga keterangan Encik Jabar Khan yang mengatakan bahawa, perbuatan KHIANAT yang dibuat oleh TASK FORCE UMNO Sabah itu bertujuan menjatuhkan Kerajaan Sabah di bawah teraju PBS ketika itu.

MENERIMA juga pengakuan Encik Hassnar Ebrahim bahawa, pada ketika dia ditangkap di bawah ISA sebanyak 300,000 kad pengenalan biru berjaya diberikan kepada PTI dan menurutnya kini lebih sejuta orang asing diberikan kerakyatan Malaysia melalui pintu belakang dan daripada jumlah tersebut sudah melahirkan lebih satu juta generasi TERAPUNG di negara ini.

Menyedari hakikat bahawa pertumbuhan penduduk Sabah sangat luar biasa berbanding Penduduk Sarawak pada masa yang sama seperti berikut :

| Tahun | Sabah     | Sarawak   |
|-------|-----------|-----------|
| 1951  | 334,141   |           |
| 1960  | 454,561   |           |
| 1970  | 636,431   | 976,269   |
| 1980  | 929,299   | 1,235,553 |
| 1991  | 1,734,685 | 1,642,771 |
| 2000  | 2,449,389 | 2,012,616 |
| 2005  | 3,313,000 | 2,340,000 |
| 2010  | 3,330,000 | 2,560,000 |

Menyedari hakikat bahawa kadar pertumbuhan penduduk Sabah yang luar biasa ini adalah kesan daripada perbuatan khianat sepertimana keterangan dan pengakuan Encik Hassnar Ebrahim dan Encik Jabar Khan yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin UMNO seperti Megat Junid dan Musa Aman.

Menyedari hakikat bahawa satu pengkhianatan dan jenayah telah berlaku yang melibatkan seluruh Jabatan Pendaftaran Negara dan juga kepimpinan negara.

Dan menerima hakikat bahawa, Pengerusi Jawatankuasa Keutuhan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri pada ketika itu telah mengarah Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Ketua Pengarah Jabatan Imigresen supaya tidak hadir memberi keterangan dalam Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti, yang akhirnya menyebabkan Pengerusinya, Tan Sri Bernard Dompok meletakkan Jawatan.

MENERIMA HAKIKAT bahawa hak-hak rakyat Orang Asal Sabah telah dirampas dan dicabuli oleh pengkhianat-pengkhianat yang rakus dan gila kuasa. Kini orang-orang Sabah merasa terpinggir di tanah air mereka sendiri.

MENERIMA KESAN secara langsung perbuatan khianat tersebut terhadap Orang Asal Sabah, menjadi miskin hanya kerana mereka terpaksa berkongsi kekayaan Sabah serta segala perkhidmatan Kerajaan dengan PTI. Akibatnya pendapatan per kapita GDP Sabah hanya USD5000 atau RM25 000 berbanding RM45 000 bagi Malaysia dan RM49 000 bagi Sarawak.

MENERIMA dan MENYEDARI fakta-fakta tersebut maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah menjalankan kewajipan untuk menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan dengan mempertimbangkan Usul Kewarganegaraan ini dengan meminta kesemua mereka yang disebut oleh Encik Hassnar dan Encik Jabar Khan supaya dibawa ke muka pengadilan di atas jenayah yang mereka telah lakukan.

Pada masa yang sama kad pengenalan Malaysia yang ada pada hari ini hendaklah diganti dengan yang baru dan setiap pemegang kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah memohon kembali dengan menggunakan surat beranak yang sah ataupun dokumen-dokumen yang sah laku daripada segi undang-undang. "

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

21. PR-1433-U(27)136

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

